

## #BAHASAKANKITA

Ruangan baru #bahasakankita ini bertujuan menghilangkan tanggapan bahawa anak muda tidak berminat dalam bahasa dan budaya Melayu. Jika anda berusia 40 tahun ke bawah, *Berita Harian* mengajak anda berkongsi pengalaman anda. Hantarkan e-mel kepada [bhnews@sph.com.sg](mailto:bhnews@sph.com.sg) atau hantar mesej ke laman Facebook kami di *Berita Harian Singapura*.

# Minat pada seni lakonan bukan main-main



**MINAT BERLAKON SEJAK KECIL:** Dalam pentas Pentas Budaya tahun ini, Cik Syahirah (*bertudung*) memegang watak Junita Yahya, seorang ibu yang teraniaya. – Foto ALIFAH SAMUDIN dan JULIANA SHARMINE



**PENTAS BUDAYA 2017:** Anggota jawatankuasa Pentas Budaya 2017 terdiri daripada 25 mahasiswa NUS, sementara pelakornya seramai enam orang (*barisan pertama*).

► **NUR SYAMIMI AWALLUDIN**  
[nsyamimi@sph.com.sg](mailto:nsyamimi@sph.com.sg)

SEMUDA 10 tahun, Cik Nurul Syahirah Abdul Rashid, yang kini berusia 22 tahun, sudah berkecimpung dalam bidang persembahan.

Waktu itu, Sekolah Rendah Bukit Panjang mengadakan Pertandingan Mencungkil Bakat.

Cik Syahirah bersama tiga temannya membentuk kumpulan menyanyi.

Malah, kali pertama beliau melibatkan diri dalam pentas teater adalah pada usia 15 tahun.

Menurut beliau, pentas itulah yang mencetuskan minat beliau berlakon.

Minat Cik Syahirah dalam pentas begitu kuat sehingga mendorongnya turut mengambil Pengajian Teater di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Malah, mata pelajaran itulah yang menggalakkannya supaya terus mendalami bidang lakonan.

Mahasiswi NUS yang baru me-

namatkan tahun ketiganya dalam jurusan Sosiologi itu berkata:

“Pentas ini sebenarnya sebuah ruang untuk menentang isu-isu kontroversial serta nilai-nilai yang dipinggirkan oleh masyarakat kita. Pentas ini bukan sahaja ruang kreatif untuk menghibur, malah ia mampu mencabar pemikiran penonton.”

Mei lalu, Cik Syahirah menayakan pentas anjuran sayap Sekretariat Seni Persatuan Bahasa Melayu NUS (PBMUKS) sebagai isteri yang teraniaya.

Dalam pentas yang bertajuk *Main-main* itu, beliau memegang watak Junita Yahya, suri rumah berusia 38 tahun, yang kerap dianyai suaminya.

Untuk menjayakan wataknya itu, Cik Syahirah berlatih setiap hujung minggu selama lebih kurang empat bulan.

Menurut beliau, setiap sesi latihan mengambil masa lapan jam.

Kerja keras Cik Syahirah membuahkan hasil lumayan apabila

tiket untuk ketiga-tiga tarikh persembahan itu laris dijual.

“Saya bukan seorang yang berpengalaman dalam bidang lakonan. Justeru, saya banyak tertuang budi pada para pelatih dari Celik244 yang banyak mengajar saya ilmu bermanfaat, yang boleh digunakan semasa berlakon,” katanya.

Celik 244 adalah syarikat teater Melayu tempatan yang dianggotai Cik Syahirah.

Beliau akur banyak ilmu yang berfaedah diraih daripada pembelajarannya dalam bidang Pengajian Teater.

Cik Syahirah juga beruntung kerana minatnya dalam bidang lakonan mendapat sokongan padu keluarga dan sahabat handai.

Beliau menasihati penggemar seni agar tidak putus harapan dan terus meneroka peluang yang ada.

Semoga penggemar seni seperti Cik Syahirah terus membantu melestarikan budaya Melayu di sini!